


HARI : ISNIN
TARIKH : 13/1/2020
M/SURAT : 1

Isnin, 13 Januari 2020
17 Jamadilawal 1441H
Tel: 1 300 22 6787
PP 414/10/2012 (030686)

Pendaftaran kumpulan M40 Program Subsidi Petrol pada Mac

Muka 3



Program Subsidi Petrol

Pendaftaran kumpulan M40 Mac

Penangguhan pastikan pelaksanaan lebih lancar

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Shah Alam: Pendaftaran penerima Program Subsidi Petrol bagi golongan berpendapatan 40 peratus pertengahan (M40) akan dibuka pada Mac atau April depan.

Ini susulan inisiatif kerajaan untuk menyalurkan subsidi petrol kepada kumpulan itu seperti yang diumumkan oleh Menteri Kewangan, Lim Guan Eng dalam Belanjawan 2020 pada Oktober lalu.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata belum dimaklumkan mengenai perkara itu dalam pertemuan dengan Guan Eng minggu lalu.

Beliau berkata, data membatikan keluarga berpendapatan 40 peratus terendah (B40) sudah



Keratan akhbar BH pada 31 Disember lalu.

lengkap untuk proses pemberian subsidi.

Kementerian Kewangan memaklumkan proses pendaftaran kategori penerima M40 akan hanyalah dibuka pada akhir suku pertama tahun ini. Barangkali pada awal suku kedua.

Penerima B40 sudah pun lengkap datanya, manakala M40 oleh kerana Menteri Kewangan baru umumkan dalam belanjawan pada Oktober, dalam bajet itu, belum kata pelaksanaan untuk M40

Ada kewajaran untuk pelaksanaan itu nanti diseleksikan.

**Saifuddin Nasution Ismail,
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna**

pada tahun ini.

"Jadi, ada kewajaran untuk pelaksanaan itu nanti diseleksikan," katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas perasmian Kejohanan Bola Sepak Piala Khalid Samad di Stadium Rhino KV Arena, di sini, semalam.

Beliau berkata, antara isu yang cuba diselaraskan ialah penerima B40 mendapat subsidi melalui pembayaran tunai, manakala M40 menggunakan kad.

"Jadi, dengan penangguhan ini, ia memberi peluang kepada kedua-dua kementerian untuk mencapai satu keputusan yang apabila dilaksanakan nanti ia haruslah seamless (lancar).

"Ia tidak ada kecoh. Apabila rakyat ke pam minyak, dia tidak rasa apa-apa perubahan. Itu yang terbaik," katanya.

Pada 30 Disember lalu, Saifuddin mengumumkan pelaksanaan Program Subsidi Petrol yang dijadualkan bermula 1 Januari lalu, ditangguhkan sehingga satu masa yang akan diumumkan kerajaan kemudian.

Keputusan itu dibuat dalam mesyuarat Kabinet yang diadakan pada 18 Disember lalu.

Kerajaan pada 7 Oktober 2019 mengumumkan pelaksanaan program berkenaan yang sepatutnya bermula Januari 2020 sesuai dengan manifesto Pakatan Harapan (PH).

Bagi tujuan itu, kerajaan memperuntukkan RM2.4 bilion dalam Belanjawan 2020 dengan jumlah penerima manfaat seramai 8 juta orang daripada kelompok B40 dan M40.

Sementara itu, ditanya mengenai klip video yang tular membabitkan sekumpulan warga asing dipercayai Bangladesh yang membeli minyak petrol dengan menggunakan tong bersaiz antara lima hingga 10 liter dan menaiki bas di Sabak Bernam baru-baru ini, Saifuddin berkata, pegawai penguatkuasaan kementeriannya sudah ke stesen berkenaan dan menemui pemiliknya.

"Saya percaya esok, Isnin (hari ini), saya akan dapat laporan penuh mengenai insiden itu yang tular."

"Akan kami teliti apakah itu satu perkara yang lazim atau lumrah? Atau berlaku ketika video itu dirakamkan atau macam mana" katanya.

Ahad, 12 Januari 2020 | 2:26pm



Menteri Wilayah Persekutuan Khalid Abdul Samad (kanan) merangkap Anggota Parlimen Shah Alam bersama Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail (dua, kiri) dan lagenda bola sepak negara Datuk Soh Chin Aun (kiri) ketika hadir pada Majlis Pembukaan Bola Sepak Perpaduan Piala Khalid Samad 2020 di Stadium Rhino KV Arena Seksyen 13 hari ini. - Foto BERNAMA

Pendaftaran M40 dapat subsidi petrol mula Mac

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

SHAH ALAM: Pendaftaran penerima Program Subsidi Petrol (PSP) bagi golongan berpendapatan 40 peratus pertengahan (M40) akan dibuka pada Mac atau April depan.

Ini susulan inisiatif kerajaan Pakatan Harapan untuk menyalurkan subsidi petrol kepada kumpulan itu seperti pengumuman Menteri Kewangan, Lim Guan Eng dalam Belanjawan 2020 pada Oktober lalu

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata beliau dimaklumkan mengenai perkara itu dalam pertemuan dengan Guan Eng minggu lalu.

Beliau berkata, data membabitkan keluarga berpendapatan 40 peratus terendah (B40) sudah lengkap untuk proses pemberian subsidi.

"Kementerian Kewangan memaklumkan proses pendaftaran kategori penerima M40 akan hanya dibuka pada akhir suku pertama tahun ini. Barangkali pada awal suku kedua.

"Penerima B40 telah pun lengkap datanya, manakala M40 oleh kerana Menteri Kewangan baru umumkan dalam bajet pada Oktober. Dalam bajet itu, beliau kata pelaksanaan untuk M40 pada tahun ini.

"Jadi, ada kewajaran untuk pelaksanaan itu nanti disekalikan," katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas perasmian Kejohanan Bola Sepak Piala Khalid Samad di Stadium Rhino KV Arena, di sini, hari ini.

Beliau berkata, antara isu yang cuba diselaraskan ialah penerima B40 mendapat subsidi melalui pembayaran tunai, manakala M40 menggunakan kad.

"Jadi dengan penangguhan ini, ia memberi peluang kepada kedua-dua kementerian untuk mencapai satu keputusan yang apabila dilaksanakan nanti ia haruslah 'seamless' (lancar). Ia tidak ada kecoh. Apabila rakyat ke pam minyak, dia tidak rasa apa-apa perubahan. Itu yang terbaik," katanya.

Sementara itu, ditanya mengenai klip video yang tular membabitkan sekumpulan waga asing dipercayai Bangladesh yang membeli minyak petrol dengan menggunakan tong bersaiz antara lima hingga 10 liter, dan menaiki bas di Sabak Bernam baru-baru, ini, Saifuddin berkata, pegawai penguatkuasaan kementeriannya sudah ke stesen berkenaan dan menemui pemiliknya.

Katanya, laporan kes itu dijangka siap esok.

"Saya percaya esok Isnin, saya akan dapat laporan penuh mengenai insiden itu yang tular. Akan kami teliti apakah itu satu perkara yang lazim atau lumrah? Atau berlaku ketika video itu dirakamkan atau macam mana" katanya.